


**Tumpuan ekonomi bumiputera⁵⁴
dapat diberi
kerana UMNO
berkuasa – PM**

UM 13 APR 1987

KUALA LUMPUR
12 April — Perdana Menteri, **Datuk Sri Dr. Mahathir** hari ini menegaskan bahawa tumpuan dapat diberi untuk memajukan lagi bumiputera di negara ini kerana UMNO menerajui kerajaan. Katanya, "kerana UMNO juga MARA telah mencapai kejayaan dalam meningkatkan penyertaan bumiputera dalam pelbagai lapangan yang sebelum itu tertutup kepada bumiputera," ujarnya

lagi. 
Beliau yang berucap merasmikan bangunan baru MARA di sini pagi ini mengingatkan kerana itu kejayaan MARA bergantung kepada UMNO.

Berunding

"Ini juga adalah kerana UMNO yang menerajui kerajaan tahu berunding serta bekerjasama dengan parti - parti komponen lain untuk memastikan pembangunan yang dibuat oleh MARA

mencapai kejayaan," tegasnya lagi.

Menurutnya, tanpa UMNO yang tahu berunding dan bekerjasama MARA tidak akan beroleh kejayaan yang diharapkan.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menegaskan kerana UMNO yang menjadi tunjang kerajaan peruntukan yang diberikan kepada MARA telah dapat dipertingkatkan termasuk menambahkan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Beliau menegaskan kejayaan MARA tidak dapat dipisahkan dari peranan yang dimainkan oleh UMNO untuk memajukan lagi MARA termasuk menambah peruntukan yang diberikan kepadanya.

Berhubung dengan penubuhan MARA beliau berkata, ia bermula hanya dengan peruntukan sebanyak \$5 juta sahaja dulu yang diberikan oleh British kepada RIDA dulu sebelum namanya ditukar kepada MARA. Jelasnya, sebelum adanya MARA, orang-orang Melayu dibandar tidak mempunyai tempat tinggal dan berniaga tetapi dengan wujudnya MARA keadaan telah jauh berubah.

Sementara itu ketika ditanya tentang keputusan Setiausaha Agung UMNO yang telah memutuskan untuk tidak bertanding merebut apa juga jawatan dalam Majlis Tertinggi, Perdana Menteri berkata: "Itu keputusan Datuk Sanusi."

Beliau bagaimanapun telah cnggan untuk mengulasnya dengan lebih lanjut.